



28 JUN, 2024

Kastam rampas alat permainan seks untuk jualan tempatan bernilai RM9,320

Sinar Harian, Malaysia



Kastam rampas alat permainan seks untuk jualan tempatan bernilai RM9,320



Norlela (tengah) menunjukkan alat permainan seks yang dirampas ketika serbuan di Shah Alam.

KLANG - Lambakan alat permainan seks yang dibawa masuk secara haram dari luar negara terbongkar menerusi satu serbuan di sebuah gudang di Shah Alam, dipercayai untuk dijual ke pasaran tempatan.

Difahamkan, sebanyak 200 unit barangan permainan seks bernilai RM9,320 diimport dari negara Asia akan dijual dalam kuantiti kecil dan secara persendirian.

Penolong Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Tengah, Norlela Ismail berkata, serbuan dijalankan Bahagian Penguatkuasaan JKDM Zon Tengah Unit II pada 4 Jun lalu.

"Pemeriksaan dalam gudang menemukan sejumlah alat permainan seks pelbagai jenis dan jenama.

"Ia merupakan barang larangan pengimportan secara mutlak dan dijelaskan mengikut Butiran 5 Jadual Pertama Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2023," katanya ketika sidang akhbar di Pejabat JKDM Pelabuhan Utara di sini pada Khamis.

Tambah Norlela, siasatan lanjut masih dijalankan bagi mengenal pasti negara asal barangan itu berikutan tiada dokumen pengimportan.

Tegasnya, kes disiasat meng-

ikut Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967 yang memperuntukkan denda 20 kali ganda atau RM500,000 atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Dalam kes berlainan, kastam berjaya merampas 644.6 liter minuman keras di sebuah rumah tidak berpenghuni di Taman Tasik Indah di ibu negara pada 20 Jun lalu.

"Minuman keras bernilai RM58,900 termasuk nilai duti dan cukai ditemukan dalam sebuah van di premis terbabit.

"Kita percaya kediaman ini dijadikan sebagai stor simpanan," katanya.



28 JUN, 2024

Kastam rampas alat permainan seks untuk jualan tempatan bernilai RM9,320

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

KLANG - Lambakan alat permainan seks yang dibawa masuk secara haran dari luar negara terbongkar menerusi satu serbuan di sebuah gudang di Shah Alam, dipercayai untuk dijual ke pasaran tempatan. Difahamkan, sebanyak 200 unit barangan permainan seks bernilai RM9,320 diimport dari negara Asia akan dijual dalam kuantiti kecil dan secara persendirian.